

Gadis arif main 'sembunyi-sembunyi'



KESULITAN TEKNOLOGI DITANGANI: Cik Nur Syakirah Mohd Said cemerlang dalam kursus Diploma Forensik Digital serta berminat dalam isu-isu keselamatan komputer. Beliau dirakam dalam makmal komputer Politeknik Temasek baru-baru ini.

SEBAGAI gadis yang meminati alat elektronik dan mesra teknologi maklumat, Cik Nur Syakirah Mohd Said yakin terhadap kursus Diploma Forensik Digital yang dipilihnya.

Walaupun kursus itu baru, beliau yakin akan tersedia banyak peluang pekerjaan dalam bidang keselamatan digital dengan pesatnya kemajuan dunia teknologi setempat.

Sejajar itu, beliau banyak terbaca tentang gejala jenayah siber yang berleluasa di serata dunia dan membawa kesan yang menggerunkan ji-

ka si pengguna atau syarikat tidak berhati-hati.

Berbekalkan minat mendalam itulah, Cik Nur Syakirah, 20 tahun, tekun belajar dan berjaya penerima pingat emas tajaan syarikat RSA Security Analytics.

Pingat tersebut, berserta Hadiah Industri Khas RSA dan Anugerah Kecemerlangan Penguasa Pembangunan Infokom (IDA), bakal disampaikan kepada Cik Nur Syakirah di majlis tamat pengajian Politeknik Temasek minggu ini.

Ketika ditemui baru-baru ini, Cik Nur Syakirah, anak bongsu keluarga dua beradik, berkata:

"Saya akui banyak aspek teknikal yang sulit perlu dihuraikan dalam kursus ini. Bagaimanapun, saya dapati kursus ini menarik kerana saya pelajari bidang lain yang berkait rapat dengan pengawalan jenayah siber, dan ini antara lain meliputi psikologi dan undang-undang.

"Hal ini menarik, bahkan kes penggodaman komputer dan telefon bijak kian meruncing dalam negara maju."

Anak pemandu pengiriman dan pegawai pentadbiran kewangan itu juga berpeluang mengembara ke kawasan desa di Fukuoka, Jepun, selama tiga bulan bagi menjalani program bekerja sambil belajar.

Beliau dan seorang lagi pelajar dipilih menuntut di politeknik Fukuoka bagi menyiapkan projek tahun akhir berkenaan steganografi, atau proses menyembunyikan fail, pesanan, imej atau video.

"Kembara ke Jepun itu membuka mata saya. Saya berpeluang menemui dan bekerjasama dengan pakar steganografi dan kawalan keselamatan komputer.

"Saya juga belajar bekerjasama dengan pelajar lain yang tidak dikenali sebelum ini.

"Kami pergi ke syarikat pengilang robotik dan meninjau kepesatan kemajuan teknologi di kota kecil itu," tambahnya, yang bakal mengikuti kursus ijazah sarjana muda bidang pengurusan sistem maklumat dan keselamatan digital Universiti Pengurusan Singapura (SMU).